

Headline	Rawatan ARV bantu tingkat kualiti hidup pesakit HIV		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	11 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	449 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,313
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,939



Rawatan ARV bantu tingkat kualiti hidup pesakit HIV

Cynthia D Baga

KOTA KINABALU: Kira-kira 1,455 orang yang mempunyai HIV diberi rawatan yang boleh memanjangkan dan membantu meningkatkan kualiti hidup mereka di ibu negeri ini.

Pegawai Perubatan Kota Kinabalu Dr Jiloris @ Julian Frederick menerima rawatan antiretroviral (ARV) di sini sehingga pertengahan 2016.

"Pada 2015, Kota Kinabalu merekodkan jumlah tertinggi kes HIV dan AIDS di negeri ini, iaitu 93 kes HIV dan 37 kes AIDS. Sekitar 12 kematian melibatkan AIDS.

"Bagi tahun ini, pemberitahuan HIV menurun kepada 64 kes.

"Kami berharap agar dengan rawatan ARV yang bermula di Malaysia pada 2001, lebih ramai pesakit HIV akan mendapat manfaat dan sekurang-kurangnya 90 peratus pesakit yang layak akan menerima rawatan itu menjelang 2020," katanya.

Dr Jiloris berkata rawatan itu sangat efektif kerana ia boleh mengawal keseriusan penyakit tersebut.

"Kita mempunyai kes HIV yang berkembang menjadi AIDS namun dengan rawatan tetap dan perubatan konsisten, AIDS kembali menjadi HIV. Namun HIV masih ada di sana yang bermaksud rawatan dan perubatan dapat mengawal HIV daripada berkembang menjadi AIDS.

"Yang paling penting ialah pesakit HIV perlu mengambil ubat secara tetap dan juga mematuhi nasihat doktor mereka," kata Dr Jiloris pada sambutan Hari AIDS Sedunia pada Sabtu di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu, di sini.

Menurut Dr Jiloris, sejak ketersediaan rawatan ARV, terdapat penurunan kematian yang berkaitan AIDS.

Kepada satu soalan, beliau berkata untuk mencapai sasaran sifar HIV menjelang 2020, mereka telah menyediakan kaunseling kepada kumpulan yang berisiko tinggi.

"Kami menawarkan mereka kaunseling atau ceramah mengenai bagaimana untuk melindungi diri mereka sendiri daripada HIV dan bagi mereka yang memerlukan rawatan, kami akan terus memberikan mereka rawatan.

"Sekurang-kurangnya apabila kami mendekati kumpulan yang berisiko tinggi dan memberi mereka ceramah tentang HIV dan AIDS, mereka akan menerima sedikit pengetahuan tentang penyakit itu.

"Setakat ini 80 peratus daripada kumpulan itu telah memberi kerjasama mereka dan kami akan terus memberi kaunseling kepada 20 peratus selebihnya," katanya.

Acara itu dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Kebajikan Mohd Noh Wahab yang

mewakili Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad.

Dalam ucapan Jainab, beliau menasihati masyarakat agar tidak mewujudkan penghadang atau mendiskriminasi pesakit HIV/AIDS dan keluarga mereka.

"Kita sepatutnya memberi mereka sokongan moral dan peluang untuk hidup sebagai anggota masyarakat.

"Kerajaan menunjukkan komitmennya bagi memastikan rakyat yang mempunyai HIV/AIDS mendapat rawatan sesuai melalui ARV, kaunseling, penjagaan dan sokongan supaya kematian akibat AIDS akan menjadi lebih rendah.

"Kementerian Kesihatan telah tampil dengan Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan bagi Menamatkan AIDS 2016-2030 bertemakan 'Ending AIDS' yang menekankan tiga perkara utama iaitu, sifar jangkitan HIV baharu, sifar diskriminasi dan sifar kematian berkaitan AIDS.

"Selain itu kerajaan juga menyediakan kemudahan pemeriksaan HIV percuma bagi mereka yang ingin mengetahui status penyakit itu dan juga pasangan yang ingin berkahwin. Tujuan pemeriksaan itu ialah untuk memastikan mereka yang didiagnos sebagai pesakit HIV menerima rawatan awal seperti ARV," katanya.



MOHD Noh (ketiga dari kanan) menyerahkan sijil kepada salah seorang peserta program, sambil disaksikan oleh Dr Jiloris (ketiga dari kiri) dan lain-lain.